

## **Terkorban**

(Untuk kawan-kawan wanita)

Badanmu tergantung di angkasa raya,

Tidak di bumi dan tidak di langit.

Sedang umur separuh kurun berlalu tua,

Wajahmu tak berseri dan bibir tak bermadu.

Apakah seribu tahun lagi akan berlalu?

Tanpa doa dan restu mendayu.

Cuba kau renung di muka pelamin, anak-anak dan suamimu!

Sebelum kecut dan luntur tak berseri.

Kasihlanlah kepada keadaanmu di masa remaja!

Cermin di muka sentiasa tersenyum, gelak ketawa.

Ayah pun gila mencari harta di sebalik agama,

Engkau juga yang tersungkur menjadi korban.

Mukamu pucat, bibirmu lesu dimakan korban,

Korban harta, korban masa

Untuk persediaan di masa tua.

Persediaan! Persediaan!

Sedarlah ayah melepaskan<sup>1</sup> adik yang telah dewasa?

Berilah mereka sedikit bedak menghias muka

Mereka ingin berbahagia di masa muka

Semasa muda, sebelum tua menimpa.

Janganlah ayah tertipu dengan secebis harta neraka!?

**Sastrawardi.**

**Kolej Islam Malaya,**

**15 August 1961.**

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah melepaskan